

18 AUG 2002
Mahathir-Tiba/I
DR M TIBA DI YANGON BAGI LAWATAN DUA HARI

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan kerja dua hari ke Myanmar.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Yangon disambut oleh Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) dan Perdana Menteri Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe, Naib Presiden SPDC Jen Maung Aye, Setiausaha Agung 1 SPDC Lt Jen Khin Nyut, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Duta Malaysia ke Myanmar Datuk Cheah Sam Kip.

Dr Mahathir, diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mengetuai delegasi 300 anggota terdiri menteri-menteri termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie, pegawai kanan kerajaan, dan sekumpulan ahli perniagaan diketuai Pengerusi Bersama Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta (MiGHT) Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Lawatan Perdana Menteri hari ini, yang keempat sejak 1988 dan kira-kira 10 hari selepas beliau mengadakan perjumpaan dengan dua ketua kerajaan Asean itu di Bali, bagi membalas lawatan oleh Than Shwe pada September tahun lepas.

Sejurus tiba, Dr Mahathir dijemput mencuba sistem e-pasport Myanmar dan memeriksa kaunter berlepasnya. e-pasport, serupa dengan sistem yang digunakan oleh Malaysia, selain mengandungi gambar dan data peribadi pemilikinya, dilengkapi ciri tambahan khas iaitu cap jari pemegang pasport itu.

Dr Mahathir dan isterinya kemudian berlepas ke Sein-Le-Kantha State House, tempat penginapan rasmi mereka semasa lawatan itu.

Beliau dijadual mengadakan perjumpaan dengan Than Shwe di Bangunan Parlimen kemudiannya dan menghadiri jamuan malam di dewan banquet Parlimen dengan para tetamu kehormat akan dihiburkan dengan persembahan kebudayaan.

Jadual ketat Dr Mahathir esok termasuk menyampaikan ucapan di persidangan Teknologi Malaysia-Myanmar anjuran bersama MiGHT dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Institut Sultan Iskandar (ISI).

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU), kontrak carigali minyak luar pesisir antara syarikat minyak nasional Malaysia, Petronas, dan Kementerian Tenaga Myanmar dan Pelan Tindakan antara Jawatankuasa Pembangunan Bandaraya Yangon dan MiGHT/ISI.

Satu perjanjian perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa antara Maxis International Sdn Bhd dan Myanmar Post and Telecommunication juga akan ditandatangani.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan perjumpaan dengan anggota Persatuan Rakyat Malaysia di Myanmar (MAM), melawat Taman Teknologi Maklumat dan Komunikasi Myanmar, menyaksikan penyerahan projek Makmal Sekolah Bestari dan mengakhiri programnya dengan melawat sebuah hospital pakar dalam rawatan menggunakan perubatan tradisional.

-- BERNAMA
RON AKT RHM